# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 30 OKTOBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | KERAJAAN SEGERA BANTU PESAWAH TERJEJAS BANJIR, NASIONAL, BH -4<br>MINISTRY RECEIVES RM1.3 BIN FOR AGRICULTURE PROJECTS, HOME, BORNEO POST (KK) -2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 3. | PENGUSAHA TIRAM TERJEJAS TUMPAHAN MINYAK, SINAR NEGERI PULAU PINANG / KEDAH, SH -35 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 4.<br>5. | MAQIS RAMPAS DAGING BABI, DAGING BUAYA DI LTSAS, SINAR NEGERI PERAK, SH -32<br>85KG OF ILLEGAL ITEMS SEIZED AT IPOH THIS MONTH, NATION, THE STAR -10 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 6.<br>7. | MY BEST BUY PULAU PINANG 2 NOVEMBER INI, SINAR NEGERI PULAU PINANG / KEDAH, SH -35<br>100 PESERTA RUGI RM3 JUTA, LOKAL, HM -14 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 8.<br>9. | AZIZAH HARAP KERAJAAN PERBANYAKKAN PROGRAM UNTUK NELAYAN, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10<br>CIVIL SERVANTS' THINKING AND SYSTEM REFORM, NATION, SIN CHEW DAILY -20 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/10/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 4 |

# Kerajaan segera bantu pesawah terjejas banjir



Salahuddin Ayub

**Kuala Lumpur:** Kerajaan tidak akan berlengah untuk menyampaikan bantuan benih padi kepada pesawah yang berdepan masalah kawasan tanaman dilanda musibah seperti banjir.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata bantuan sebanyak RM876 sehektar akan diberikan untuk kawasan terjejas yang padinya berusia kurang 70 hari.

"Bagi padi yang usianya melebihi 70 hari, bantuan maksimum RM1,800 sehektar akan diberikan," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali (PH BERSATU-Bagan Serai) pada sesi Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan tambahan Awang Hashim (PAS-Pendang) berkenaan isu bekalan benih padi, Salahuddin mengakui masih ada kawasan berdepan masalah kekurangan bekalan.

Katanya, kajian juga sudah dibuat bagi mengenal pasti punca kekurangan bekalan benih ini.

"Secara keseluruhan, apa yang kita bekal, diberikan melalui kuota dan tempahan menerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), saya faham masih ada lagi kawasan tidak cukup bekalan.

"Kita sudah buat kajian apa isu utamanya. Ada pembekal yang sudah habis kuota. Atas kekurangan itu, saya dan kementerian bercadang supaya kuasa perolehan diserahkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian (KSU).

"Surat untuk diserah kepada Kementerian Kewangan akan mengambil masa. Kita boleh perbaiki pada masa datang. Perolehan kena cepat dan KSU boleh diberikan kuasa," katanya.

Sesi itu juga hangat seketika selepas Datuk Tajudin Abdul Rahman (BN UMNO-Pasir Salak) bangkit membuat teguran sinis dengan mendakwa kerajaan bertindak lewat dalam menyelesaikan masalah bekalan padi.

Keadaan itu mencetuskan 'perang mulut' antara menteri dan Tajudin sebelum kekecohan itu diredakan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof.

Terdahulu, menjawab soalan asal Noor Azmi, Salahuddin berkata isu kelewatan benih padi masih terkawal biarpun ia serius.

Beliau berkata, kerajaan juga sudah mengagihkan semula kuota benih padi sah sebanyak 8,400 tan kepada pembekal yang sudah mencapai kuota bagi menyelesaikan masalah ini.

"Kerajaan juga akan memperkemaskan kaedah pembekalan benih seperti mengemaskini perancangan lebih teliti terhadap keperluan benih bagi setiap musim penanaman melalui mekanisma mesyuarat pramusim sedia ada.

"Keperluan menyegerakan pewujudan stok penimbal benih padi bagi menangani isu krisis seumpama ini, yang mana usaha ke arah merealisasikan perkara ini sudah dimulakan dengan penelitian terhadap beberapa cadangan model pelaksanaan," katanya.



***Sawah padi yang ditenggelami air akibat banjir** di Kampung Matang Merbau, Bagan Serai, semalam.*
(Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi /BH)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry receives RM1.3 bln for agriculture projects | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 30 Oct 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 2 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 51 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 142 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 427 |



# Ministry receives RM1.3 bln for agriculture projects

**KUALA LUMPUR:** The Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MoA) has been allocated over RM1.3 billion to implement 374 agriculture-related projects and programmes nationwide next year.

Its minister, Datuk Seri Salahuddin Ayub said the allocation was increased by RM3.87 million compared to this year.

"This shows that the government is always concerned about the development of the agriculture sector and is committed to continuing with development projects and programmes that have been planned, as well as providing aid for farmers and fishermen," he said, when winding up the debate on the Supply Bill 2020 in Parliament yesterday.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/10/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI PULAU PINANG KEDAH | 35 |

# Pengusaha tiram terjejas tumpahan minyak

**SUNGAI MERBOK** - Kira-kira 15,000 ternakan tiram yang kebanyakannya benih masih kecil mati akibat pencemaran dipercayai berpunca daripada tumpahan minyak di perairan Sungai Merbok di sini.

Pengusaha tiram, Mohamad Ridzwan Ishak, 48, berkata, kira-kira 10 peratus daripada keseluruhan 150,000 ternakan tiramnya terjejas dengan anggaran kerugian RM3,000.

Menurutnya, tindakan pantas penguatkuasaan seperti Jabatan Perikanan Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) berjaya menyelamatkan ternakan tiram berkenaan berdekatan Bakau Hijau, Kampung Sungai Batu Besi, Merbok, Kedah daripada terus terjejas.

"Tindakan penguatkuasaan dilakukan terhadap pemilik kapal yang ingin dilupuskan di mana mereka diarahkan mengeluarkan baki minyak dari tangki kapal yang bocor bagi mengelakkan lebih banyak tumpahan ke perairan Sungai Merbok sehingga dikhuatiri menjejaskan pengusaha lain.

"Saya berharap tiada lagi kejadian pencemaran berlaku di kawasan ini membabitkan tumpahan minyak diesel atau minyak enjin yang berpunca daripada pengusaha bot atau daripada tindakan pihak tidak bertanggungjawab melalui pelepasan bahan buangan secara terus ke dalam sungai," katanya.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan insiden kebocoran minyak diesel disyaki berpunca daripada sebuah kapal tersadai di tepi sungai yang ingin dilupuskan telah menjejaskan penternakan tiram dan ikan sangkar di kawasan berdekatan.



**Antara tiram yang terjejas disyaki akibat pencemaran.**

JAS kemudian mengarahkan pemilik kapal yang ingin dilupuskan agar mengeluarkan baki minyak di tangki yang berlaku kebocoran bagi mengelakkan pencemaran berterusan di perairan Sungai Merbok yang boleh membawa kepada kerugian mencecah ratusan ribu ringgit.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/10/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI PERAK | 32 |


# Maqis rampas daging babi, daging buaya di LTSAS

**IPOH** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Perak merampas barangan keluaran pertanian seperti daging babi, daging buaya dan buah-buahan yang dibawa oleh penumpang di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS) secara tidak sah sepanjang Oktober ini.

Pengarah Maqis Perak, Zamri Hashim berkata, hasil pemeriksaan yang dijalankan ke atas penumpang, pihaknya telah merampas 50 kilogram (kg) produk daging babi, 5kg daging buaya dan 30kg produk pertanian lain.

Menurutnya, nilai rampasan keseluruhan barangan tersebut dianggarkan berjumlah RM2,000.

"Rampasan yang paling banyak adalah produk berasaskan babi seperti daging segar, daging perap dan sosej. Arahan larangan import produk babi telah dikeluarkan oleh kerajaan bagi mengelakkan penyebaran wabak demam babi Afrika (ASF) dari pelbagai negara terutamanya dari China, Hong Kong, Laos, Myammar, Kemboja, Poland, Belgium termasuk Vietnam.

"Pelbagai produk ini cuba dibawa masuk oleh penumpang walaupun larangan telah dikeluarkan oleh Jabatan Maqis," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Zamri berkata, tindakan mengimport produk haiwan tanpa permit import dan melanggar syarat-syarat import itu merupakan kesalahan di bawah Seksyen 11 (1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11 (3) yang sama.

Katanya, jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu yang terlibat dalam mengimport atau membawa masuk produk pertanian tanpa permit import yang sah," katanya.

FOTO: MAQIS PERAK



**Sebahagian produk berasaskan daging babi yang dibawa oleh penumpang melalui LTSAS dirampas Maqis Perak.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/10/2019 | THE STAR | NATION | 10 |

# 85kg of illegal items seized at Ipoh airport this month

**IPOH:** Pork, crocodile meat and fruits with an overall weight of 85kg illegally brought into the country were seized at the Sultan Azlan Shah Airport this month.

Despite a ban issued by Malaysian Quarantine and Inspection Services, passengers still tried to smuggle in 50kg of pork-based products such as fresh meat, marinated meat and sausages, 5kg of crocodile meat and 30kg of fruit products worth RM2,000, said Perak Maqis director Zamri Hashim.

He said the products were confiscated following the government's ban on importing pork products after the spread of African swine fever in countries such as China, Hong Kong, Laos, Myanmar, Cambodia, Poland, Belgium and Vietnam.

The case of importing animal products without a valid import permit and in violation of import conditions is an offence under Section 11 (1) of the Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728) and punishable under Section 11 (3) of the same act.

"If convicted, they could be liable to a fine of not more than RM100,000 or be jailed for up to six years or both," he said in a statement.

Zamri added that strict action would be taken against any individual involved in importing or bringing in agricultural products without a valid import permit. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/10/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI P.PINANG / KEDAH | 35 |

# My Best Buy Pulau Pinang 2 November ini

**BUKIT MERTAJAM** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang akan mengadakan jualan jimat My Best Buy (MBB) terbesar pada 2 November ini dengan menawarkan 54 tan metrik barangan segar.

Pengarahnya, Habibah Sulaiman berkata, jualan yang akan berlangsung di pekarangan pejabat FAMA Bukit Mertajam sempena sambutan ulang tahun ke-54 lembaga itu.

"Antara barangan yang dijual dengan harga RM1 adalah kubis bulat, kubis Beijing, labu, tembikai, nanas dan sayur-sayuran bagaimanapun hanya 1,000 paket sayuran sahaja dijual dengan harga RM1," katanya.

Beliau berkata, MBB turut menjual barangan keperluan asas pada harga antara lima hingga 20 peratus lebih murah berbanding pasaran. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/10/2019 | HARIAN METRO | LOKAL | 14 |

# 100 peserta rugi RM3 juta

*Ladang kontrak tanaman kontan di Setiu rosak ditenggelami air berikutan hujan lebat*

**Oleh Baharom Bakar**
am@hmetro.com.my

**Permaisuri**

Lebih 100 peserta ladang kontrak tanaman kontan di Setiu kerugian dianggarkan lebih RM3 juta selepas tanaman diusahakan ditenggelami air berikutan hujan lebat beberapa hari, akhir bulan lalu.

Peserta ladang kontrak, Mohd Ariff Ab Razak berkata, dia kerugian lebih RM20,000 selepas pokok tembikai diusahakan sejak Ogos lalu ditenggelami air berikutan hujan lebat beberapa hari.

Katanya, batas pokok tembikai diusahakan di atas tanah seluas 1.6 hektar di Kampung Beris Tok Ku, Setiu ditenggelami air selepas dilanda hujan lebat.

"Jika tidak ditenggelami air, tembikai yang diusahakan dijangka dapat dituai akhir Januari depan," katanya di sini, semalam.

Seorang lagi peserta ladang kontrak, Hasnah Ngah, 56, dari Kampung Beris Tok Ku, Merang di sini, berkata, dia kerugian lebih RM15,000 selepas tanaman labu maninya tenggelam berikutan hujan lebat selama lima hari akhir bulan lalu.



TEMBIKAI yang diusahakan Mohd Ariff di Kampung Beris Tok Ku, Setiu musnah ditenggelami air.

Katanya, dia mula menanam labu manis di atas tanah seluas satu hektar sejak akhir Ogos lalu.

"Labu manis diusahakan sepatutnya dapat dituai Februari depan, tetapi semuanya tenggelam dan sukar dipulihkan selepas ditenggelami air yang bertakung selama tiga hari.

"Berikutan itu, saya kerugian RM15,000 termasuk kos pembelian benih, baja dan upah beberapa penduduk membuat batas," katanya.

Hasnah meminta Jabatan Pertanian negeri dan Fama membantu membekalkan benih dan baja.

Sementara itu, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) negeri meminta peserta ladang kontrak yang mengalami kerugian apabila tanaman diusahakan musnah ditenggelami air berikutan hujan lebat membuat laporan bagi memudahkan penyaluran bantuan dilakukan.

Pengarahnya, Fauzi Mohamed, berkata, pihaknya maklum mengenai kejadian berkenaan dan semua peserta ladang kontrak yang terjejas boleh membuat laporan termasuk kerugian dialami kepada Jabatan Pertanian Negeri.

Katanya, Fama akan berusaha membantu peserta ladang kontrak yang mengalami kerugian dengan membuat pengesahan dan mengeluarkan surat sokongan supaya bantuan dapat disalurkan kepada mereka.

"Walaupun Fama tidak mempunyai peruntukan khas untuk bantuan itu, kami akan mengeluarkan surat sokongan dan pengesahan kepada peserta untuk dikemukakan kepada Jabatan Pertanian Negeri," katanya, semalam.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Azizah harap kerajaan perbanyakkan program untuk nelayan | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 30 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Azizah harap kerajaan perbanyakkan program untuk nelayan

PEMENANG BERTUAH: Daud (empat kanan) menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada salah seorang pengunjung sambil disaksikan oleh Azizah (tengah).
MENUMBOK: Ahli Parlimen Beaufort Datuk Azizah Mohd Dun berharap kerajaan negeri dan Persekutuan agar dapat me...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| Headline | Civil servants` thinking and system reform | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 30 Oct 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 20 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 345 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,638 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,914 |



# 公務員思維與體系改革



學者觀點

黃大志
教授

敦马对博特拉大学的马来农科毕业生不想进入农业领域发挥专长，而只想担任公务员表示失望。他用肯毕业生没有充分利用学到的技能形同资源浪费，而且对国家经济发展也没多大帮助。敦马这一肺腑之言也充分反映他从始作俑者到今天大觉大悟的过程。为此，我们对他仍抱一丝希望，期待他会用有生之年，为大马国家未来前途着想，整顿和改革我们臃肿低效的公务员系统。如他能起个头，对国家就是万幸了！

据报道，2016年大马公务员和人口的比例排名世界第一，为1对20，比起新加坡的1对70，印尼的1对110和日本的1对130要高得多。公务员的开支庞大得惊人，2016年所发薪金高达740亿令吉，另外发给的养老金也达190亿令吉。公务员是大马唯一提供养老金的领域，还另有基本免费的医疗照顾，条件之丰厚，难怪上述马来毕业生别无他想，就想当领铁饭碗，压力小又相对清闲的公务员。

说敦马是公务员系统臃肿低效的始作俑者，一点也不假。上世纪80和90年代他任首相期间，适逢国产石油和天然气价格飞涨，西方先进国转移工业投资来大马也相当成功，农业原产品出口量大增，巫统领导政府拥有大笔外汇之余，利用了大笔资源雇用马来公务员，巩固选票仓。

一个国家某一种族靠政府提供安逸公职，不需走进劳动力市场面对竞争，这样的国民是不会有国际竞争力的。由来已久养成的依赖性，更磨灭了这类公务员的独立创新精神、自食其力的意志力。就拿已经成立了40年的大马农业研究及发展局（MARDI）来说，它虽然肩负农作物改良研究，但榴梿品种的改良却没跟它沾上边。驰名国内外的"猫山王"榴梿，据说其品种是一个来自彭亨州劳勿的榴梿园主在上世纪80年代在话望生（Gua Musang）所发现并试种成功，成为创始人。随着还有其他品种也陆续被私人种植园主发现或经过嫁接实验成功，像黑刺、葫芦、金凤、红虾都是榴梿之极品，为本地和外销中国及新加坡的首选。公务员过量聘用不但没有"人多好办事"的好效果，相反，它却有"一个和尚挑水喝，两个和尚扛水喝，三个和尚没水喝"的不良后果，导致职工之间互相推诿，你不做我也不做的问题。

笔者曾拜访过吉隆坡的教育部，在大楼大厅前面的询问柜台有4个女职员，平时他们闲着没事的时候，不是闲聊就是看手机。令人不解的是，为什么两个人的工作，却要浪费纳税人的钱，聘用4个人呢？大批公务员要靠纳税人奉养，在人口老化寿命增长的今天，人民负担将会越来越严重，这个系统的永续性早已受到质疑。欧盟成员之一的希腊过去曾因给予国民过于慷慨的养老福利和待遇，经济陷入巨大困境，迄今仍得发行公债，以借钱方式协助维持政府开销和福利制度。欧盟较富裕国家如德国和法国已表明立场，希腊必须自行解决自身的问题。

是不是说以伊斯兰为主的国家就不能改革呢？这也没道理。我们知道中东伊斯兰世界有一个富庶的阿拉伯联合酋长国，该国拥有大量石油储蓄，但它的繁华并不全靠石油和天然气。在该国开明的政府领导下，它的经济发展走全方位和多元化方向，30年来不断推动贸易、观光旅游，以及吸纳世界各地许多人才为它效劳。到了21世纪初，阿联酋已经是中东地区的转运、观光购物、科技网络中心。去过迪拜国际机场转机的人都会对其高质量服务称羡不已！近10年来，阿联酋的GDP总值成长超过200%，而它的石油收入却占少过总体的10%。

反观我们大马在种族路线牵引下，华、印族人才往往无法获得重用，发挥己长。为国家前途着想，大马公务员体系包括国营企业制度的改革势在必行，不过这个改革因为打击面大，必须循序渐进。改革层面应包括裁减过剩员工，检讨建立新的非养老金公务员制度，构建明确又容易落实的奖罚制度，简易透明的行政或各项申请程序，不分种族用人唯贤，人尽其才，物尽其用等。更重要的是，必须大力打击官员的贪腐行为，以及民间的贿赂，以钱换权的习性。

如果不改革，我们只得期待马币像印尼盾一样在未来期间连续不断的贬值，以及准备面对相对高的通货膨胀率和其他经济社会问题的降临，因为政府必须靠多印纸币来应对日益增长的开销，以及对私有企业多征税筹集资金。要知道，对私有企业多征税会影响中小企业的生存能力，以及大企业的创新投入和再投资计划。总的来说，过高征税会影响企业对国家经济贡献与发展的潜力，对整体经济不利。

Powered by: isentia